

Keadilan untuk Beng Hock

Jawapan untuk Rakyat!



Kematian Setiausaha Politik kepada Ahli Exco Kerajaan Negeri Selangor Ean Yong Hian Wah, Teoh Beng Hock pada 16 Julai 2009, yang didakwa terjatuh dari Tingkat 14 Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor terus mengundang kesedihan serta kemarahan kerana terdapat seribu satu persoalan yang belum terjawab.

Beng Hock, yang merupakan bekas wartawan akhbar Sin Chew Daily, telah dibawa ke pejabat SPRM untuk disoal siasat pada pukul 5.40 petang pada 15hb Julai. Siasatan ini merupakan tindakan SPRM yang bersifat terpilih dan bermotifkan politik untuk mengganggu wakil rakyat DAP dan Pakatan Rakyat mendapatkan matlumut. Hak Beng Hock untuk diiringi oleh peguam juga dinafikan. Malangnya, Beng Hock, 30, ditemui mati kira-kira jam 1.00 petang.



Beng Hock yang akan bernikah pada hari kematiannya, meninggalkan seorang tunang dan ahli keluarga yang ketidakkeraan terhadap apa yang telah terjadi.

Kami dengan sekerasnya mengutuk kematian Beng Hock yang telah menimbulkan kesangsian dan mendesak supaya:

SPRM memikul tanggungjawab penuh terhadap tragedi yang telah menimpa Beng Hock. Apa yang terlampau adalah bahawa Beng Hock hanya merupakan seorang saksi dan bukan suspek, dan dia telahpun memberikan kerjasama yang penuh kepada SPRM!

Suruhanjaya Di Raja harus ditubuhkan untuk menyiasat kematian Beng Hock, baru rakyat akan mengetahui kebenaran berkaitan kematian yang sia-sia ini kerana kita tidak lagi mempercayai integriti dan kejujuran pihak polis di Malaysia.

SPRM tidak sepatutnya dijadikan alat oleh Barisan Nasional (BN) untuk mengintimidasi wakil rakyat DAP dan Pakatan Rakyat di atas tuduhan semberono. Permainan politik BN ini telah melampaui batas dan menyebabkan kematian seorang pemuda yang amat berbakat.

Rakyat bertanya kenapa siasatan terhadap skandal PKFZ bernilai RM12.5 billion dan "Istana Khir" tidak diteruskan dengan semangat sebegini? Sekiranya SPRM gagal untuk menjawab persoalan-persoalan ini, rakyat mendesak Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Ahmad Said Hamdan supaya dipecat dengan serta merta kerana gagal menjalankan tanggungjawab dan amanah dengan baik.

